

'Perpaduan benteng pertahanan ummah'

(P)

BH 26 JUL 1982

Dr. Mahathir Mohamed

RAUB, Ahad — Perdana Menteri hari ini menggesa ahli-ahli UMNO menggembleng tenaga orang-orang Melayu dan umat Islam di negara ini untuk mempertahankan umat Islam dari mengalami perpecahan sesama sendiri.

Bellau menegaskan, inilah beban yang amat besar diletakkan di bahu ahli-ahli UMNO sekarang.

Presiden UMNO itu dengan serius mengingatkan setiap ahli UMNO menjaga perpaduan mereka kerana ini merupakan benteng amat tinggi untuk mempertahankan umat Islam dari berpecah-belah seperti yang berlaku di Asia Barat sekarang.

"Jangan pula penyakit seperti yang berlaku antara Iran-Iraq ditafsirkan sebagai nikmat oleh setengah golongan dan dibawa ke negara ini", tegasnya

Oleh SHAHROM SUBOH

ketika berucap di majlis merasmikan perwakilan UMNO Bahagian Raub di sini pagi ini.

Di Malaysia katanya, sudah ada cakap-cakap dan usaha-usaha untuk memecah-belahkan perpaduan dan yang malang sekali, orang yang membawa perpecahan terdiri dari mereka yang memahami ajaran Islam terhadap perpaduan.

Mati syahid

Katanya, mereka sanggup memutar-belitkan firman Tuhan dan ada di antaranya menyatakan perpaduan tidak perlu di kalangan umat Islam.

Katanya, kalangan yang ada di negara kita bukannya nikmat dan kalangan inilah yang membawa perpecahan di kalangan umat Islam.

"Mereka ingin membawa perpecahan umat Islam di negara ini kerana mereka tidak puas hati dengan keadaan aman damai".

Katanya, mereka cuba memecah-belahkan kita dan usaha ini semakin hampir berjaya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan tentang adanya fahaman kononnya seseorang itu akan mati syahid jika berperang di Lebanon.

Merujuk kepada laporan akhbar hari ini mengenai sembahyang sunat Aidilfitri di sebuah masjid di Terengganu sebanyak dua kali dengan dua imam, Datuk Seri Dr. Mahathir menganggap perbuatan itu satu usaha yang paling buruk sekali untuk memecah-belahkan umat Islam hingga ke dalam masjid.

Perdana Menteri menegaskan, penyakit itu perlu dihapuskan segera kerana ia mungkin merebak ke negeri-negeri lain.

Katanya, ada sahaja orang-orang yang kerana politik, mereka menjadi tamak inginkan kuasa dan sanggup membawa ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam.

Katanya, perbuatan hendak memecah-belahkan hanya boleh dielak jika ahli-ahli UMNO memainkan peranan mempertahankan kedudukan Islam di negara ini.